KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI KERJA RAYA KE SK ULU SUNGAI SALIM, SIBU, SARAWAK

PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS) DI NEGERI SARAWAK FASA 1

SIBU, SARAWAK – Yang Berhormat Tuan Bian Baru, Menteri Kerja Raya hari ini telah mengadakan **Lawatan Kerja Ke SK Ulu Sungai Salim, Sibu** antara salah satu projek Projek Pembinaan Semula dan Menaiktaraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah *Industrialised Building System* (IBS) di Negeri Sarawak.

Kerajaan terdahulu semasa Pembentangan Bajet 2018 telah membangkitkan bahawa terdapat hampir 2 ribu sekolah di seluruh negara yang berada dalam keadaan daif seperti bumbung bocor, lantai rosak, dinding berlubang dan peralatan yang sudah lama tidak berganti. Peruntukan sebanyak RM2.5 billion telah dipertimbangkan untuk tujuan membaik pulih sekolah daif bagi tempoh 2 tahun iaitu 2018 dan 2019 dengan pecahan RM500 juta ringgit bagi sekolah-sekolah daif di Semenanjung Malaysia, RM1 billion ringgit di Sabah dan RM1 billion ringgit di Sarawak.

Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya program Pembinaan Semula dan Menaiktaraf Sekolah Daif di Negeri Sarawak Fasa 1 dilaksanakan melibatkan 50 buah sekolah dengan kos projek bernilai RM138,458,260.00 dan dilaksanakan secara rundingan terus.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101
Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Manakala di Negeri Sabah pula, pelaksanaan Fasa 1 Sekolah Daif ini melibatkan 37 buah sekolah dengan kos projek bernilai RM163,441,400.00 juga dilaksanakan secara rundingan terus.

Bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia, maka Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk Negeri Sarawak, skop projek Fasa 1 ini dimulakan dengan pembinaan 50 sekolah dengan 13 pakej melibatkan 13 kontraktor. Skop projek keseluruhan mengandungi 294 Bilik Darjah, 12 Asrama, 7 Bilik Sains, 28 Blok Tandas dan 6 Dewan Makan.

Di Negeri Sabah pula, skop projek Fasa 1 dimulakan dengan pembinaan 37 sekolah dengan 12 pakej melibatkan 12 kontraktor. Skop projek keseluruhan mengandungi 277 Bilik Darjah, 37 Bilik Sains dan 21 Blok Tandas.

Seperti yang diketahui umum, kaedah pembinaan projek yang menggunakan teknologi IBS mampu disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding kaedah konvensional. Justeru itu, kaedah IBS telah digunakan sepenuhnya di dalam pembinaan sekolah-sekolah daif ini.

Oleh yang demikian, tempoh penyiapan kesemua projek di kedua-dua negeri ini telah ditetapkan selama 4 bulan iaitu bermula dari 21 Februari 2018 dan siap pada 27 Jun 2018.

Sehingga kini, bagi Negeri Sarawak sejumlah 45 buah sekolah telah berjaya disiapkan sepenuhnya berbaki 5 buah sekolah sahaja yang akan disiapkan pada penghujung September 2018 ini. Bagi SK Ulu Sungai Salim ini telah siap pada 27 Jun 2018 dan penyerahan projek kepada Jabatan Pendidikan Negeri telah dibuat pada 31 Julai 2018.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101
Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Bagi Negeri Sabah pula, sejumlah 19 sekolah telah berjaya disiapkan, berbaki 18 buah sekolah yang akan disiapkan pada penghujung September 2018 juga.

Kelewatan penyiapan beberapa sekolah tersebut adalah disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan seperti lokasi jauh di pendalaman, rupabentuk mukabumi yang berlereng, kawasan berair dan berhampiran water tide yang tinggi dan beberapa faktor lain.

Pihak Kementerian Kerja Raya yakin pihak JKR dan kontraktor akan berjaya menangani kesulitan yang ada dan mampu menyiapkan sekolah-sekolah yang terlewat tersebut dalam masa yang terdekat ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
8 SEPTEMBER 2018

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101
Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my